



BUKU PANDUAN PELAKSANAAN

**KURSUS FCE3804
PENGALAMAN AWAL DI SEKOLAH
(PALS)**

GUIDEBOOK

***FCE3804 EARLY SCHOOL EXPERIENCE
(PALS)***

**FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN
*FACULTY OF EDUCATIONAL STUDIES***

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

	Isi Kandungan / Content	Muka Surat/ Page
1.	Konsep / <i>Concept</i>	1
2.	Matlamat / <i>Purpose</i>	1
3.	Objektif / <i>Objective</i>	1
4.	Pelaksanaan / <i>Implementation</i>	2
5.	Pengendalian Kursus / <i>Course Implementation</i>	3
6.	Tanggungjawab Fakulti / <i>Responsibility Of Faculty</i>	9
7.	Tanggungjawab Pihak Sekolah / <i>Responsibility Of School</i>	10
8.	Tanggungjawab Penyelaras PALS Fakulti / <i>Responsibility of Faculty PALS Coordinator</i>	10
9.	Tanggungjawab Penyelaras PALS Program / <i>Responsibility of PALS Programme Coordinator</i>	11
10.	Tanggungjawab Penyelia / <i>Responsibility of Supervisor</i>	11
11.	Lampiran 1 / <i>Appendix 1</i> Borang Persetujuan Sekolah / <i>School Approval Form</i>	12
12.	Lampiran 2 / <i>Appendix 2</i> Borang Kehadiran PALS / <i>PALS Attendance Form</i>	14
13.	Lampiran 3 / <i>Appendix 3</i> Borang Penilaian Jom Bina Rapport Dengan Guru Pendamping / <i>PALS Assessment Form Let's Build a Rapport with the Guidance Teacher</i>	15
14.	Lampiran 4 / <i>Appendix 4</i> Projek Penerokaan Amalan Pedagogi Dan Budaya Sekolah / <i>Exploration Project on Pedagogical Practice and School Culture</i>	16
15.	Lampiran 5 / <i>Appendix 5</i> Projek Pembentangan Dan Refleksi Kendiri / <i>Presentation and Self-Reflection Project</i>	18
16.	Lampiran 6 / <i>Appendix 6</i> Format Laporan Projek Dan Refleksi / <i>Format for the Project and Reflective Report</i>	21
17.	Lampiran 7 / <i>Appendix 7</i> Borang Pengesahan Lapor Diri PALS / <i>PALS Report Duty Form</i>	25

1. KONSEP / CONCEPT

- 1.1 Kursus FCE3804 Pengalaman Awal di Sekolah (PALS) adalah kursus 1(0+1) kredit dan diwajibkan kepada semua pelajar Bacelor yang mengikuti program pendidikan mulai sesi ambilan 2017/2018. Kursus ini memberi pendedahan awal kepada pelajar Bacelor Pendidikan/Bacelor Sains dengan Pendidikan (BP/BSDP) tentang alam persekolahan.

FCE3804 Early School Experience (PALS) is a one-credit (0+1) course that is compulsory for all students undergoing a Bachelor's Degree in the educational programmes since the 2017/2018 intake. This course will provide early exposure to the nature of school and education to the Bachelor of Education/Bachelor of Science with Education (BP/BSDP) students.

- 1.2 Melalui kursus ini, diharapkan pelajar dapat memahami masyarakat guru, tingkah laku murid, suasana dan pengurusan sekolah, bilik darjah, pengurusan pengajaran, proses penyepaduan teori dan praktikal, amalan pengkaedahan dalam konteks Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) menerusi pemerhatian, interaksi dan refleksi.

Through this course, students are expected to be exposed to and understand the nature of the community of teachers, students' behaviours, school management, classroom environment, teaching management, integration of theory and practice, and observe the implementation of teaching methods in the context of Teaching and Learning (TnL), as well as engage in interaction and reflection.

2. MATLAMAT / PURPOSE

- 2.1 Kursus ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman awal iklim sekolah. Pelajar perlu memahami kerjaya guru dan budaya di sekolah. Di samping itu, dapat memupuk budaya pemikiran kreatif dan kritis serta melakukan refleksi tentang profesionalisme guru.

This course aims to provide an opportunity for students to gain early school experience. Students will be required to understand the teaching career and school culture. In addition, the course hopes to foster a culture of creative and critical thinking and be reflective of teacher professionalism.

3. OBJEKTIF / OBJECTIVE

- 3.1 PALS memberi peluang kepada pelajar untuk:
- mengenal pasti peranan pelbagai pihak pentadbiran sekolah
 - memahami budaya dan persekitaran sekolah
 - menganalisis amalan pengajaran dan penaksiran pembelajaran

PALS provides an opportunity for students to:

- identify the roles and responsibilities of various school administrators*
- understand the culture and environment of the school*
- analyze teaching practices and learning assessments*

4. PELAKSANAAN / IMPLEMENTATION

4.1 Pelajar ditempatkan di sekolah dalam negara selama 10 hari persekolahan secara berterusan di bawah bimbingan langsung oleh guru mata pelajaran dalam bidang masing-masing (perlu diganti sekiranya berlaku kecemasan melibatkan kematian ahli keluarga/cuti peristiwa).

The students will be attached to schools for two consecutive weeks (10 consecutive school days) under direct guidance and supervision by subject teachers in their respective fields (replacement can only be made if there are emergency cases that involve the death of family members/school holidays).

4.2 **Tarikh-tarikh penting** bagi Pelaksanaan PALS adalah seperti berikut:

Perkara	Tarikh
Pelaksanaan Tugas PALS	i) 4 Ogos hingga 22 Ogos 2024 (Kumpulan A) ii) 5 Ogos hingga 23 Ogos 2024 (Kumpulan B)
Penghantaran Borang Persetujuan Sekolah melalui emel kepada Unit PALS: shammizah@upm.edu.my	13 Mei hingga 17 Mei 2024
Penghantaran Dokumen kepada Penyelaras Program PALS dan PutraBlast: <ul style="list-style-type: none"> • Borang Kehadiran PALS • Borang Penilaian Jom Bina <i>Rapport</i> dengan Guru Pendamping • Laporan Projek Penerokaan Amalan Pedagogi dan Budaya Sekolah • Video Projek Pembentangan dan Refleksi Kendiri 	14 Oktober hingga 1 November 2024 (Semua Pelajar Semester 1 2024/2025)

Important Dates for the Implementation of PALS are as follows:

Item	Date
<i>PALS Task Execution</i>	i) 4th August to 22nd August 2024 (Group A) ii) 5th August to 23rd August 2024 (Group A)
<i>Submission of School Consent Form to PALS Unit via e-mail:</i> shammizah@upm.edu.my	13 May to 17 May 2024
Submission of Documents to the PALS Program Coordinator and PutraBlast: <ul style="list-style-type: none"> • PALS Attendance Form • PALS Assessment Form <i>Let's Built a Rapport with the Guidance Teacher</i> • <i>Exploration Project on Pedagogy Practice and School Culture</i> 	14th October to 1st November 2024 (Students Semester 1 2024/2025)

<i>Report</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Video Presentation and Self – Reflection Project</i> 	
--	--

- 4.3 Pelajar diberikan tugas untuk mencari maklumat mengenai peranan pelbagai pihak dalam pengurusan organisasi sekolah dan bilik darjah, budaya dan persekitaran sekolah, pengajaran dan penaksiran pembelajaran, serta pengurusan kurikulum dan kokurikulum.

Students are tasked to look for information about the roles of various parties within the school and class management, school culture and environment, teaching and learning assessment, and curricular and co-curricular management.

- 4.4 Pelajar tidak dibenarkan untuk melaksanakan PdP dan kelas ganti dalam bilik darjah.

Students are not allowed to carry out any TnL activities/classes, and any Relief/Replacement classes.

- 4.5 Pelajar dibenarkan untuk melaksanakan PALS di sekolah-sekolah Kementerian, sekolah-sekolah swasta, dan sekolah-sekolah antarabangsa.

Students are allowed to carry out PALS at any public school under the Ministry of Education Malaysia, private or international schools.

5. PENGENDALIAN KURSUS / COURSE IMPLEMENTATION

5.1 Taklimat dan Pendaftaran Kursus / Course Briefing and Registration

- 5.1.1 Pelajar akan diberikan taklimat pengendalian PALS sebelum ke sekolah.

Students will be briefed on the implementation of PALS before going to school.

- 5.1.2 Pelajar boleh memuat turun dokumen berkaitan dan Buku Panduan Pelaksanaan PALS daripada laman web Fakulti Pengajian Pendidikan.

Students can download relevant documents and the PALS Guidebook from the Faculty of Educational Studies website.

- 5.1.3 Pelajar perlu mengenalpasti sekolah untuk mereka menjalani PALS pada cuti akhir semester ini dengan membawa bersama surat permohonan dari Fakulti. Pihak sekolah perlu mengisi Borang Persetujuan Sekolah seperti di Lampiran 1 dan menghantar borang tersebut kepada Unit PALS Fakulti Pengajian Pendidikan mengikut tarikh yang diberikan dengan segera. Sekolah yang dipilih perlu dipastikan ada mengajar mata pelajaran dalam bidang kursus pelajar.

Students need to identify the school for them to undergo PALS at the end of this semester by bringing along a letter of application from the Faculty. The school must fill in the School Consent Form as in Appendix 1 and submit the form to the PALS Unit of the Faculty of Educational Studies according to the date given immediately. Students must ensure the selected schools offer the subjects related to the student's programme.

5.2 Penempatan Di Sekolah / *Placement In School*

- 5.2.1 Pelajar bertanggungjawab untuk menghubungi pihak sekolah bagi melapor diri kepada pengetua sekolah **sebelum** hari pertama di sekolah.

*Students are responsible for contacting the schools to report to the school's principal **before** the first day of school.*

- 5.2.2 Pelajar perlu memberikan salinan surat penempatan sekolah kepada pengetua semasa melapor diri untuk rujukan sekolah.

Students will be required to provide their placement letters to the principal when reporting their attendance for the purpose of school reference.

- 5.2.3 Pelajar hendaklah mendampingi guru pendamping yang telah ditentukan oleh pihak sekolah berdasarkan mata pelajaran yang berkenaan dengan bidang pengajian dan menjalankan aktiviti yang berkaitan kurikulum dan kokurikulum untuk pembangunan ikhtisas mereka.

Students will be required to follow a guidance teacher who will be appointed by the school based on the subjects related to the students' fields of study and engage in curricular and co-curricular activities related to their professional development.

5.3 Kehadiran / *Attendance*

- 5.3.1 Pelajar dikehendaki melaporkan kehadiran ke sekolah setiap hari dalam tempoh penempatan dan melaksanakan segala tanggungjawab yang ditetapkan. Pelajar perlu melengkapkan borang kehadiran (Lampiran 2: Borang Kehadiran PALS). Mana-mana hari persekolahan yang tidak hadir hendaklah diganti.

Students will be required to report their attendance every day throughout the placement period and perform all the responsibilities given by the school. Students will be required to complete the attendance form (Appendix 2: PALS Attendance form). Days of absence from this course must be replaced.

- 5.3.2 Sekiranya pelajar tidak hadir kerana sakit, mohon menghubungi dengan segera serta maklumkan kepada Unit PALS. Pelajar juga dikehendaki menyerahkan sijil cuti sakit kepada Pengetua dan membuat salinan sijil cuti sakit yang telah disahkan oleh pengetua sekolah untuk diserahkan kepada Unit PALS.

If the student is absent due to illness, he/she will be required to contact the principal and inform the PALS Unit immediately. Students are also required to submit a medical certificate to the principal and make a copy of the medical certificate to be given to the PALS Unit.

- 5.3.3 Sekiranya perlu mengambil cuti atas urusan penting, pelajar perlu mendapatkan kebenaran daripada pengetua terlebih dahulu dan perlu menggantikan hari cuti tersebut. Pelajar tidak dibenarkan mengambil cuti rehat sepanjang tempoh penempatan di sekolah.

If the student has an emergency or has to take leave due to very important matters, the student should obtain permission from the principal. Furthermore, the students are not allowed to take leave of absence during the school placement period.

5.4 Penilaian / *Evaluation*

5.4.1 Prestasi pelajar dinilai berdasarkan aspek:

- a. Tugas 1: Jom Bina *Rapport* dengan Guru Pendamping (20%)
- b. Tugas 2: Projek Penerokaan Amalan Pedagogi dan Budaya Sekolah (60%)
- c. Tugas 3: Projek Pembentangan dan Refleksi Kendiri (20%)

The performance of students will be assessed based on these aspects:

- a. *Task 1: Let's Build a Rapport with the Guidance Teacher (20%)*
- b. *Task 2: Exploration Project on Pedagogical Practice and School Culture (60%)*
- c. *Task 3: Presentation and Self-Reflection Project (20%)*

5.4.1.1 Tugas 1: Jom Bina *Rapport* dengan Guru Pendamping (20%)

Task 1: Let's Build a Rapport with the Guidance Teacher (20%)

- a. Pelajar bertanggungjawab menghubungi Guru Pendamping yang ditetapkan oleh pihak sekolah bagi mengatur rancangan tugas yang akan dilaksanakan bagi tempoh 10 hari. Pelajar mendapatkan pandangan berkaitan perancangan tersebut daripada Guru Pendamping.

Students are responsible for contacting the guidance teachers designated by the school to arrange the plan that will be implemented for a period of 10 days. Students get views on the plan from the guidance teachers.

- b. Pelajar perlu memastikan kehadiran melaksanakan tugas setiap hari dimaklumkan kepada Guru Pendamping kerana Guru Pendamping perlu mengesahkan kehadiran pelajar menggunakan Borang Kehadiran PALS (Lampiran 2).

Students need to ensure that the attendance to perform daily assignments is notified to the guidance teachers because they need to verify the students' attendance using the PALS Attendance Form (Appendix 2).

- c. Pelajar akan turut serta dalam sesi PdP Guru Pendamping **sebanyak dua (2) kali** untuk mendapatkan pengalaman melaksanakan PdP, menganalisis amalan pengajaran dan penaksiran pembelajaran. Pelajar akan dapat meneroka PdP yang dijalankan dan memerhati aplikasi konsep serta model pembelajaran bermakna yang menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan aktiviti yang bersesuaian untuk pengajaran dan pedagogi berkesan.

*Students will join in the TnL sessions of the guidance teachers **twice** to gain experience in implementing TnL, analyzing teaching practices, and assessment of learning. Students will be able to explore TnL conducted and observe the application of meaningful learning concepts and models that use appropriate approaches, strategies, methods, and activities for effective teaching and pedagogy.*

- d. Sepanjang berurusan dengan Guru Pendamping, pelajar akan dinilai daripada beberapa aspek seperti imej dan penampilan seorang guru, personaliti guru, kerjasama dan disiplin menggunakan borang penilaian yang disediakan (Lampiran 3).

Throughout dealing with the guidance teacher, students will be assessed from several aspects such as the image and appearance of a teacher, the teacher's personality, cooperation, and discipline using the assessment form provided (Appendix 3).

- e. Borang penilaian tersebut mesti dihantar kepada Penyelaras Program PALS menggunakan kaedah dalam talian yang sesuai dan PutraBlast.

The assessment form must be submitted to the PALS Program Coordinator via appropriate online methods and PutraBlast.

5.4.1.2 Tugas 2: Projek Penerokaan Amalan Pedagogi dan Budaya Sekolah (60%)

Task 2: Exploration Project on Pedagogical Practice and School Culture (60%)

- a. Pelajar bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang ditetapkan untuk menyediakan laporan projek berdasarkan subtajuk berikut:
- Organisasi dan pengurusan sekolah;
 - Budaya sekolah dan iklim sebenar sekolah;
 - Persekitaran sekolah dan bilik darjah;
 - Pengalaman dan pengurusan bilik darjah;
 - Maklumat mengenai penglibatan pelajar dalam aktiviti di bilik darjah seperti membantu guru pendamping dalam aktiviti PdP dan sebagainya;
 - Refleksi terhadap penglibatan pelajar;
 - Aktiviti kokurikulum (sukan, permainan, persatuan, kelab, badan beruniform dan bukan beruniform, sukan);
 - Maklumat mengenai aktiviti kokurikulum yang disertai;
 - Refleksi terhadap budaya kerja profesion seorang guru;
 - Aktiviti kurikulum: proses penyepaduan teori dan praktis, amalan pedagogi, serta pelaksanaan KBAT dalam PdP;
 - Refleksi terhadap sumbang bakti dan khidmat masyarakat oleh sekolah;
 - PIBG dan alumni sekolah – refleksi terhadap peranan dan sumbangan organisasi ini kepada sekolah;
 - Refleksi terhadap dunia Pendidikan; dan
 - Cadangan program yang dapat dilaksanakan oleh pihak sekolah dalam komuniti bagi komponen pembelajaran berasaskan-perkhidmatan (SULAM).

Students are responsible for obtaining the information specified as follows in order to prepare the project report based on the following subheadings:

- *School organization and management;*
- *School culture and climate;*
- *School and classroom environment;*
- *Class experience and management;*
- *Information on students' involvement in class activities, such as assisting the guidance teacher in TnL activities and so on;*
- *Reflection on student's involvement;*
- *Co-curricular activities (i.e., sports, games, student clubs, uniform, and non-uniform bodies);*
- *Information on the extra-curricular activities that the student has participated in;*
- *Reflection on teacher's working culture;*
- *Curricular activities: integration of theory and practice, pedagogical practices, and the implementation of high-order thinking skills in teaching and learning;*
- *Reflection on the school's contributions and services to the community;*
- *PTA and school alumni - reflection on the roles and contributions of these organizations to the school.*
- *Reflection on education in general; and*
- *Proposed programs that can be implemented by schools in the community for the service-based learning component (SULAM).*

- b. Pelajar perlu mengambil gambar setiap sesi perjumpaan sebagai bukti pelaksanaan dan dimasukkan ke dalam laporan sebagai lampiran.

Students need to take a picture of each meeting session as evidence of implementation and include it in the report as an attachment.

- c. Laporan projek PALS mesti dihantar kepada Penyelaras Program PALS menggunakan kaedah dalam talian dan PutraBlast.

The PALS project report must be submitted to the PALS Program Coordinator via appropriate online methods and PutraBlast.

- d. Penilaian laporan projek akan menggunakan borang penilaian yang disediakan (Lampiran 4).

The evaluation of the project report will use the assessment form provided (Appendix 4).

5.4.1.3 Tugasan 3: Projek Pembentangan dan Refleksi Kendiri (20%) Task 3: Presentation and Self-Reflection Project (20%)

- a. Pelajar menyediakan rakaman video pembentangan berdasarkan maklumat diperoleh selama 10 hari menjalankan kursus PALS. Pelajar akan membentangkan latar belakang sekolah, pemerhatian terhadap proses PdP, refleksi terhadap budaya sekolah dan budaya kerja serta rumusan.

Students prepare a video recording of the presentation based on information obtained during 10 days of conducting the PALS course. Students will present the school background, observations on the TnL process, reflections on school culture and work culture as well as conclusions.

- b. Pembentangan tidak boleh melebihi 10 minit. Pelajar boleh menggunakan powerpoint atau alat bantu visual/pembentangan yang lain untuk menyokong pembentangan yang dilakukan secara lisan ini.

The presentation should not exceed 10 minutes. Students can use PowerPoint or other visual aids/presentations to support this oral presentation.

- c. Pembentangan video hendaklah dapat ditonton dengan jelas dari aspek audio (suara/ bunyi) dan video (dilihat).

The video presentation must be clearly viewable from the aspect of audio (voice/ sound) and video (seen).

- d. Format video yang ditetapkan adalah MP4, MOV, AVI, WMV dan FLV. Manakalaresolusi video yang dibenarkan untuk dimuat naik adalah 720p: 1280x720 (16:9) atau 1080p: 1920x1080 (16:9) yang boleh di plug and play.

The specified video formats are MP4, MOV, AVI, WMV, and FLV. While the video resolution allowed to be uploaded is 720p: 1280x720 (16: 9) or 1080p: 1920x1080 (16: 9) which can be plugged in and played.

- e. Video yang telah disemak dan didapati sempurna mesti dihantar kepada Penyelaras Program PALS menggunakan kaedah dalam talian dan PutraBlast.

Only videos that have been reviewed and found to be perfect must be submitted to the PALS Program Coordinator via appropriate online methods and PutraBlast.

- f. Rakaman juga boleh dimuatnaik dalam youtube khusus untuk penyelia menilai pembentangan yang telah dirakam oleh pelajar.

Recordings can also be uploaded on youtube specifically for supervisors to evaluate the presentations that have been recorded by students.

- g. Penilaian pembentangan video akan menggunakan borang penilaian yang disediakan (Lampiran 5).

The evaluation of the video presentation will use the assessment form provided (Appendix 5).

5.5 Penggredan adalah seperti berikut; / *Grading are as follows;*

Markah / Marks	Gred / Grade	Mata Nilain / Point	Keterangan / Description
80 - 100	A	4.000	Amat cemerlang / <i>Excellent</i>
75 - 79	A-	3.750	Sangat baik / <i>Very good</i>
70 - 74	B+	3.500	Sangat baik / <i>Very Good</i>
65 - 69	B	3.000	Baik / <i>Good</i>
60 - 64	B-	2.750	Baik / <i>Good</i>
55 - 59	C+	2.500	Memuaskan / <i>Satisfactory</i>
50 - 54	C	2.000	Memuaskan / <i>Satisfactory</i>
40 - 49	C-	1.750	Lemah / <i>Weak</i>
44 - 46	D+	1.500	Lemah / <i>Weak</i>
40 - 43	D	1.000	Sangat lemah / <i>Very Weak</i>
39 - 0	F	0	Gagal / <i>Fail</i>

5.6 Tatatertib dan Kesopanan / *Discipline and Courtesy*

- a. Pelajar hendaklah menghormati peraturan sekolah, etika guru dan menunjukkan ketertiban serta kesopanan pada setiap masa.
- b. Pelajar hendaklah menjadi ahli keluarga sekolah dengan penuh keikhlasan dan kemesraan.
- c. Pelajar mestilah mematuhi pakaian rasmi kerja, pakaian sukan atau yang bersesuaian garis panduan yang ditetapkan oleh pihak universiti dan sekolah.
- d. Pelajar harus menunjukkan sifat bertanggungjawab, dedikasi, suka menolong dan bermotivasi dengan tugas yang diberikan. Tatasusila dan budi pekerti sebagai seorang pelajar hendaklah sentiasa dijaga dan dipatuhi.
- e. Pelajar dingatkan untuk sentiasa menjaga nama dan prestij serta menjauhkan diri dari perlakuan-perlakuan yang boleh mencemarkan Fakulti dan Universiti.

- a. *Students must adhere to the school rules and regulations, abide by the teacher's ethics, and demonstrate discipline and courtesy at all times.*
- b. *Students must become members of the school community with sincerity.*
- c. *Students must abide by the ethics at work, in which they must wear formal clothing that complies to the guidelines set by the university and the school.*
- d. *Students must demonstrate responsibility, dedication, helpfulness and motivation through the tasks assigned. Student must display good behaviour and ethics throughout their placement inschools.*
- e. *Students must always protect the good name and prestige of the Faculty and University, they must keep away from acts that may smear the dignity of the Facultyand University.*

6. TANGGUNGJAWAB FAKULTI / *RESPONSIBILITY OF FACULTY*

- 6.1. Unit PALS bertanggung jawab untuk:
 - a. merancang taklimat kursus dan mengedarkan buku panduan pelaksanaan PALS;
 - b. menguruskan penempatan pelajar; dan
 - c. menyediakan senarai agihan penyelia bagi menilai laporan dan pembentangan video pelajar.

The PALS Unit is responsible for:

- a. planning course briefing and distribute PALS guidebook;*
- b. coordinate the placement of students; and*
- c. prepare list of supervisors to evaluate students' reports and video presentations.*

7. TANGGUNGJAWAB PIHAK SEKOLAH / RESPONSIBILITY OF SCHOOLS

- 7.1. Melantik seorang guru pendamping kepada setiap pelajar mengikut opsyen yang berkenaan dengan bidang pengajian.

Appoint a guidance teacher for every student according to the options or subjects applicable to the students' field of study.

- 7.2. Guru pendamping diminta untuk memantau kehadiran pelajar.

Guidance teachers are required to monitor students' attendance for the PALS course.

- 7.3. Memberi peluang kepada pelajar untuk mendapatkan:

- a. maklumat berkaitan sejarah, struktur organisasi, misi, visi, moto, matlamat, objektif pengurusan, peraturan, disiplin dan budaya sekolah;*
- b. Maklumat asas sekolah (murid, guru, PIBG, alumni); dan*
- c. Pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran, kokurikulum, aktiviti dan program sekolah.*

Provide opportunities for students to get:

- a. information related to history, organisational structure, mission, vision, motto, goals, objectives of school management, school's rules and regulations, and school culture;*
- b. school's basic information (i.e., pupils, teachers, PTAs, alumni); and*
- c. experience in teaching and learning, co-curricular activities and school programmes.*

- 7.4. Memaklumkan secara bertulis kepada Unit PALS tentang pelajar yang:

- a. tidak hadir tanpa sebab;*
- b. terlibat dengan kes-kes disiplin; dan*
- c. mengalami masalah kesihatan dan kemalangan.*

Notify PALS Unit about students who:

- a. are absent from the PALS course without plausible cause;*
- b. involved in disciplinary issues; and*
- c. experience health problems and/or accidents.*

8. TANGGUNGJAWAB PENYELARAS PALS FAKULTI / RESPONSIBILITY OF FACULTY PALS COORDINATOR

- 8.1. Memberi taklimat kursus.

Conduct course briefing.

- 8.2. Mengumpul borang persetujuan sekolah daripada pelajar (Lampiran 1).

Collect school approval form from students (Appendix 1).

- 8.3. Mengumpul borang penilaian laporan projek PALS (Lampiran 4) dan borang penilaian pembentangan video PALS (Lampiran 5) daripada penilai PALS.

Collect PALS project report assessment form (Appendix 4) and PALS video presentation assessment form (Appendix 5) from the PALS supervisors.

- 8.4. Memasukkan markah dalam e-SMP.

Key in marks in e-SMP.

9. TANGGUNGJAWAB PENYELARAS PROGRAM PALS / RESPONSIBILITY OF PALS PROGRAMME COORDINATOR

- 9.1. Mengumpul borang persetujuan sekolah dan hantar kepada Unit PALS Fakulti seperti tarikh yang ditetapkan.

Collect the school consent form and send it to the Faculty PALS Unit as per the due date.

- 9.2. Memastikan pelajar menghantar laporan projek dan video pembentangan PALS kepada penyelia yang dilantik dan Unit PALS melalui PutraBlast seperti yang ditetapkan.

Ensure students submit the PALS reports and video presentation to the appointed supervisors and PALS Unit in PutraBlast.

10. TANGGUNGJAWAB PENYELIA / RESPONSIBILITY OF SUPERVISOR

- 10.1. Menilai laporan projek dan menyerahkan borang penilaian (Lampiran 4: Borang Penilaian Projek Penerokaan Amalan Pedagogi dan Budaya Sekolah) kepada Unit PALS.

Evaluate the project report and submit the assessment form (Appendix 4: Exploration Project on Pedagogical Practice and School Culture Form) to the PALS Unit.

- 10.2. Menilai video pembentangan pelajar dan menyerahkan borang penilaian (Lampiran 5: Borang Projek Pembentangan dan Refleksi Kendiri) kepada Unit PALS.

Evaluate the video presentation and submit the assessment form (Appendix 5: Presentation and Self-Reflection Project Form) to the PALS Unit.

Sebarang pertanyaan, pelajar boleh berhubung dengan Urusetia Kursus PALS di talian 03-97698272 atau email shammizah@upm.edu.my.

If you have any questions, you can contact the PALS Course Secretariat at 03-97698272 or email shammizah@upm.edu.my.

BORANG PERSETUJUAN SEKOLAH

(Mohon lengkapkan dan kembalikan kepada Urus Setia FCE3804)

Unit PALS
 Pejabat Timbalan Dekan (Akademik, Pelajar dan Alumni)
 Fakulti Pengajian Pendidikan
 Universiti Putra Malaysia
 43400 Serdang, Selangor
 Telefon: 03-97698272 / 03-97698116
 Emel: shammizah@upm.edu.my

Tuan,

**PENEMPATAN SEKOLAH UNTUK PELAJAR UNIVERSITI PUTRA
 MALAYSIA MENJALANI KURSUS FCE3804 PENGALAMAN AWAL DI SEKOLAH (PALS)**
 • **BORANG PERSETUJUAN SEKOLAH**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak sekolah ***bersetuju / tidak bersetuju** menerima pelajar untuk ditempatkan di sekolah selama dua (2) minggu bagi memenuhi keperluan kursus FCE3804. Pelajar tersebut adalah seperti berikut:

Nama pelajar	:	
No. Matrik	:	
Program Pengajian	:	
Tarikh penempatan (2 minggu)	:	

(Sila nyatakan tarikh penempatan pelajar untuk 2 minggu berturutan dalam jangkamasa di bawah)

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

 (Tandatangan Pengetua)

Nama Pengetua : _____

No. Telefon : _____

Emel : _____

Cop rasmi Pengetua : _____

Tarikh : _____

Cop sekolah : _____

SCHOOL APPROVAL FORM
(Please complete and return to FCE3804 Secretariat)

Deputy Dean (Academic, Students, and Alumni)
Faculty of Educational Studies
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor
Telefon: 03-97698272
Emel: shammizah@upm.edu.my

Dear Sir/Madam,

PLACEMENT FOR FCE3804 EARLY SCHOOL EXPERIENCE COURSE STUDENTS FROM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
● **SCHOOL APPROVAL FORM**

We refer to the above matter.

Please be informed that the school * **agrees/does not agree** to accept the student to be placed in the school for two (2) weeks to meet the requirements of the FCE3804 course. The student is as follows:

Student's Name	:	
Matric No.	:	
Program of Study	:	
Placement Date (2 Weeks)	:	

(Please specify the student placement date for 2 consecutive weeks in the period below)

Thank you,

Sincerely,

(Principal Signature)

Principal's Name : _____

Telephone No. : _____

Email : _____

Official Stamp of the Principal : _____

Date : _____

School's Stamp : _____

**BORANG KEHADIRAN PALS
PALS ATTENDANCE FORM**

Nama / *Name* : _____

No. Matrik / *Matric No.* : _____

Program / *Programme* : _____

Sekolah / *School* : _____

Nama Guru Pendamping / *Guidance Teacher* : _____

Hari <i>Day</i>	Tarikh <i>Date</i>	Waktu Masuk <i>In</i>	Tanda tangan <i>Sign</i>	Waktu Keluar <i>Out</i>	Tanda tangan <i>Sign</i>	Catatan <i>Remarks</i>	Pengesahan Guru Pendamping (tanda tangan & cop rasmi) <i>Verified by Guidance Teacher (Signature & official stamp)</i>
1							
2							
3							
4							
5							
6							
7							
8							
9							
10							

BORANG PENILAIAN JOM BINA RAPPORT DENGAN GURU PENDAMPING (20%)*PALS Assessment Form Let's Build a Rapport with the Guidance Teacher (20%)*

Nama / Name : _____
